

>> Sasar 50 koperasi sekolah dengan perolehan RM1 juta setahun menjelang 2020

22-02-2017

setempat 43

HARIAN METRO

Perolehan RM1 juta

Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

■ Penubuhan koperasi sekolah menengah berkonsep pasar mini perlu dibantu ibu bapa

Kelana Jaya

Penubuhan koperasi sekolah menengah berkonsepkan pasar mini atau peruncitan dilihat mampu memperkasakan lagi fungsi pertubuhan itu, sekali gus meningkatkan peluang perolehan jualan melebihi RM1 juta setahun.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, usaha itu boleh tercapai sekiranya ibu bapa memberikan kerjasama untuk terbabit secara aktif dalam pertubuhan berkenaan.

"Setakat ini, kira-kira 500 koperasi sekolah menengah menggunakan konsep itu yang turut me-

nyediakan barangan keperluan asas seperti beras dan minyak masak selain kelengkapan persekolahan.

"Kami mencadangkan ibu bapa mendapatkan barangan keperluan asas di koperasi sekolah," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kelana Jaya, di sini, semalam.

Turut hadir Pengetua SMK Kelana Jaya Jamaluddin Haron dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru SMK Kelana Jaya Ahmad Fazlee Aziz.

Abdul Fattah berkata, tiga koperasi sekolah iaitu SMK Kota, Kota Bharu, Maktab Rendah Sains MARA

“Kami mencadangkan ibu bapa mendapatkan barangan keperluan asas di kedai koperasi sekolah”

Abdul Fattah Abdullah

(MRSM) Kepala Batas, Pulau Pinang dan SMK Bintulu, Sarawak yang mencapai sasaran perolehan RM1 juta setahun dibantu pembabit aktif ibu bapa pelajar serta konsep pasar mini yang digunakan dalam operasi koperasi terbabit.

Selain itu, katanya, ibu bapa perlu memberi galakan kepada anak-anak untuk meningkatkan jumlah pemilikan saham koperasi

anak mereka kepada RM100 berbanding ketika ini hanya purata RM10 seorang.

"Jika ia dapat dilakukan tentunya akan memberi impak besar terhadap perkembangan koperasi sekolah di negara ini dan mencapai sasaran 50 koperasi sekolah dengan perolehan RM1 juta setahun menjelang 2020.

"Koperasi sekolah di negara ini antara yang terbaik di dunia dan menjadi contoh kepada negara lain.

"Memang kita selalu menjadi rujukan oleh beberapa negara yang menunjukkan minat penubuhan koperasi dan baru-baru ini kita (ANGKASA), membantu penubuhan koperasi di Timor Laste," katanya.